PERANCANGAN KEWANGAN DAN KESEJAHTERAAN KEWANGAN DALAM KALANGAN PENJAWAT AWAM BERAGAMA ISLAM

Mohd. Amim Othman[1]
Husniyah Abd. Rahim[1]
Ab. Mumin Ab. Ghani[2]
[1]Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna,
Fakulti Ekologi Manusia, UPM
[2]Jabatan Syariah dan Pengurusan, Akademi Pengajian Islam, UM

Pengenalan

Penjawat awam merupakan tulang belakang dalam pelaksanaan dasar-dasar penting kerajaan. Justeru, masalah kewangan yang dihadapi oleh penjawat awam akan menganggu prestasi kerja mereka. Menurut Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong, pada tahun 2009 sahaja seperti yang dilaporkan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia, terdapat seramai 1086 penjawat awam diisytiharkan bankrap di mana 72.74 peratus daripadanya adalah lelaki (Bernama, 2009). Jumlah ini tidak termasuk individu yang sudah disenaraihitamkan oleh agensi pengurusan hutang seperti CCRIS dan CTOS. Jumlah penjawat awam yang menghadapi masalah kewangan dijangka meningkat apabila kewangan semasa mereka dikaitkan dengan peningkatan kos sara hidup ekoran peningkatan kos bahan api dan pelaksanaan GST pada awal bulan Mei 2015. Masalah kewangan mempengaruhi kesejahteraan hidup individu dan isi rumah, justeru terdapat isi rumah yang mengalami kesejahteraan hidup yang rendah hasil daripada kesejahteraan kewangan yang kurang stabil. Memenuhi keperluan jangka panjang sama pentingnya dengan memenuhi keperluan pada masa sekarang. Peruntukan pendapatan oleh individu bagi memenuhi pelbagai aspek keperluan kewangan dipercayai menjadi antara perkara penting yang memberi kesan kepada kesejahteraan kewangan pengguna.

Pada tahun 2010, perbelanjaan isi rumah Malaysia yang meningkat sebanyak 12.1 peratus berbanding dengan tahun sebelumnya (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010) menunjukkan bahawa sumber kewangan yang lebih banyak diperlukan untuk membiayai kos pengurusan sara hidup keluarga. Hal ini disebabkan kenaikan pendapatan tidak selari dengan peningkatan perbelanjaan, oleh itu wajar bagi para pengguna untuk berhemah dalam

perbelanjaan seharian mahupun dalam jangka panjang. Ketidakcukupan kewangan akan menyebabkan pengguna berusaha untuk menambah sumber kewangan sama ada melalui kerja tambahan ataupun melalui kredit atau pinjaman. Penyimpanan wang untuk keperluan masa hadapan dijangkakan dapat mengurangkan beban kewangan oleh individu dalam jangka panjang. Oleh itu, satu perancangan kewangan yang teliti dengan mengambil kira keperluan kewangan untuk jangka panjang amat diperlukan.

Sehingga tahun 2013, jumlah penjawat awam dianggarkan berjumlah 1.42 juta orang dan menurut Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), hampir 700 000 penjawat masih menerima gaji minimum di bawah paras kemiskinan nasional, iaitu RM880 sebulan, terutama bagi Gred 11 hingga Gred 17. Gaji pokok tidak termasuk elaun bagi kakitangan awam daripada gred tersebut adalah antara RM802 hingga RM820 sebulan. Pendapatan bulanan yang rendah amat mempengaruhi tahap kesejahteraan kewangan mereka. Justeru, perancangan kewangan amat perlu bagi isi rumah untuk memastikan bahawa sumber yang diperoleh dalam jangka hayat individu dapat diagihkan dengan efisien mengikut keperluan kewangan pada masa kini dan masa hadapan. Oleh itu, dalam pengagihan sumber, keputusan yang dibuat berhubung hal kewangan adalah penting demi kesejahteraan kewangan isi rumah. Dengan itu, kajian berhubung aktiviti perancangan kewangan dan kesejahteraan kewangan dalam kalangan penjawat awam, khususnya penjawat awam beragama Islam penting untuk dilakukan kerana penjawat awam majoritinya beragama Islam dan berpendapatan tetap. Jaminan pendapatan membolehkan suatu perancangan kewangan yang teliti dapat dilakukan. Ekoran itu, kesejahteraan kewangan diri dan keluarga dapat ditingkatkan. Kajian ini antaranya menggariskan objektif seperti yang berikut:

(i) Menentukan tahap perancangan kewangan dan kesejahteraan kewangan penjawat awam yang beragama Islam.
(ii) Membandingkan perancangan kewangan dan kesejahteraan kewangan berdasarkan latar belakang penjawat awam.

Kajian literatur

Menurut Gitman, Joehnk dan Billingsly (2011), perancangan kewangan ialah satu proses sistematik yang mempertimbangkan beberapa elemen berkaitan hal ehwal kewangan individu yang digunakan untuk memenuhi beberapa matlamat kewangan. Jika individu mempunyai lebihan pendapatan, lebihan tersebut boleh digunakan untuk simpanan masa depan atau membuat sedikit pelaburan. Jika pendapatan tidak mengcukupi, pelan kewangan melalui

perancangan kewangan boleh membantu untuk menstabilkan gaya hidup mereka.

Sesuatu matlamat kewangan yang bakal dibentuk mestilah berdasarkan keadaan dan kitaran hidup individu atau keluarga. Oleh itu, individu perlu membina pelan kewangan dan memantau setiap pelan pelaksanaan kewangan bagi memastikan matlamat yang digariskan dapat dicapai. Mengikut Kapoor, Dlabay, dan Hughes (2004), perlu bagi individu untuk mengkaji semula pelan kewangan setelah dilaksanakan untuk satu tempoh tertentu, contohnya selepas tiga tahun dilaksanakan. Seterusnya, merancang hal kewangan yang meliputi perolehan kewangan dan penggunaannya penting untuk dilakukan dalam proses perancangan kewangan. Komponen dalam perancangan kewangan antaranya ialah perbelanjaan dan simpanan, pinjaman, pengurusan risiko, pelaburan dan mengawal kewangan masa depan, iaitu dengan membuat perancangan estet dan persaraan.

Kebanyakan kajian mengenai perancangan kewangan menumpukan pada perancangan kewangan umum yang dijalankan ke atas responden yang bukan beragama Islam. Walaupun terdapat kajian yang dijalankan terhadap responden yang beragama Islam, contohnya oleh Raedah, Noormala, dan Marziana (2011), namun kajian tersebut tidak mengkaji mengenai perancangan kewangan, sebaliknya menumpukan pada amalan kewangan yang mengkhusus kepada amalan pembayaran zakat. Dalam kajian tersebut, didapati kecenderungan untuk membayar zakat dipengaruhi oleh sikap dan kawalan tingkah laku individu. Kajian mengenai perancangan kewangan secara umum telah dijalankan terhadap pengguna kredit yang terdiri daripada responden yang bekerja. Pengguna kredit di Malaysia didapati telah melakukan perancangan kewangan dengan menetapkan matlamat kewangan dan merancang untuk meningkatkan pendapatan (Husniyah, Syuhaily, M. Fazli, M. Amim, & Ahmad Hariza, 2005). Namun, tahap perancangan kewangan responden kajian didapati berada pada tahap rendah. Daripada sejumah 14 aktiviti perancangan kewangan yang disenaraikan, hanya 80.4 peratus daripada responden terlibat melaksanakan maksimum tujuh daripada 14 aktiviti yang disenaraikan. Kajian perancangan kewangan secara khusus iaitu merancang untuk mengerjakan haji, perancangan pendidikan dan perancangan persaraan didapati dilakukan oleh kebanyakan responden dalam kajian oleh Nurizan, Aizan, dan Norisma (2004). Latar belakang yang mempunyai perkaitan dengan perancangan kewangan ialah saiz keluarga dan pendapatan keluarga. Bagi saiz keluarga yang besar, mereka didapati mempunyai tahap perancangan kewangan yang rendah dan begitu juga dengan keluarga yang berpendapatan tinggi (Husniyah *et al.*, 2005). Namun, tiada maklumat lanjut untuk menjelaskan sebab-musabab responden daripada kedua-dua latar belakang tersebut bertindak sedemikian.

Kesejahteraan kewangan ialah keadaan yang dijangkakan dapat dihasilkan melalui perancangan kewangan yang teratur dan seterusnya dapat dilaksanakan dengan jayanya. Hasilnya, seseorang individu akan berasa berpuas hati terhadap keadaan kewangan masing-masing. Kajian lepas mengenai kesejahteraan kewangan juga menggunakan kepuasan terhadap hal kewangan sebagai pengukuran bagi kesejahteraan kewangan. Kepuasan kewangan ialah kepuasan terhadap hal kewangan individu. Porter (1990) mentakrifkannya sebagai penilaian subjektif individu terhadap keadaan kewangan diri sendiri. Porter menggunakan kepuasan terhadap pendapatan, tahap kehidupan, nilai bersih, pengurusan kewangan yang umum, pengurusan tunai, pengurusan kredit, pengurusan risiko, pengumpulan modal, dan pengurusan persaraan/harta pusaka sebagai petunjuk persepsi terhadap kesejahteraan kewangan.

Kajian tempatan terhadap pengguna kredit mendapati majoriti responden menunjukkan rasa puas hati terhadap kemahiran mereka menguruskan hal berkaitan kewangan (73.3%) dan jumlah hutang semasa (68.9%) (Husniyah *et al.*, 2005). Secara keseluruhannya, kepuasan terhadap hal kewangan adalah sederhana. Manakala sebanyak dua pertiga daripada responden berasa berpuas hati terhadap kemampuan mereka dalam memenuhi keperluan sewaktu kecemasan. Namun, majoriti responden berasa kurang berpuas hati dengan tahap simpanan masing-masing.

Bagi pengaruh latar belakang ke atas kepuasan kewangan, kajian oleh Joo dan Grable (2004) menunjukkan bahawa pendapatan, pendidikan dan umur mempunyai perkaitan positif dengan kepuasan kewangan. Pengurangan pendapatan akan meningkatkan tahap stres kewangan (Nesteruk & Garrison, 2005) dan seterusnya boleh mengurangkan tahap kepuasan terhadap kewangan (Joo & Grable, 2004). Selain itu, pengurus kewangan keluarga yang memperoleh pendapatan yang lebih tinggi akan lebih cenderung untuk berasa berpuas hati dengan kedudukan kewangan mereka (Baek & DeVaney, 2004; Husniyah *et al.*, 2005; Mohamad Fazli, Jariah, Karen, & Laily, 2008). Kajian tempatan mendapati bahawa mereka yang lebih tua akan berasa lebih berpuas hati terhadap kedudukan kewangan mereka (Mohamad Fazli *et al.*, 2008).

Metodologi kajian

Kajian empirikal ini melibatkan persampelan rawak mudah yang dilakukan terhadap senarai kementerian yang terletak di Putrajaya, Wilayah Persekutuan. Putrajaya dipilih kerana bandar ini merupakan pusat pentadbiran kerajaan Malaysia dan terdapat sejumlah pejawat awam yang bertugas di sana. Sebanyak lapan kementerian telah dipilih secara cabutan

dan pegawai di jabatan dalam kementerian terpilih telah dihubungi untuk mendapatkan kerjasama dalam kajian ini. Bagi jabatan yang bersetuju untuk terlibat dalam kajian, borang soal selidik telah diedarkan dengan bantuan pegawai penghubung di setiap jabatan berkenaan. Sebanyak 310 borang soal selidik yang lengkap diisi oleh responden beragama Islam telah diperoleh.

Maklumat latar belakang penjawat awam diperoleh bersama-sama dengan maklumat mengenai perancangan kewangan dan kesejahteraan kewangan. Manakala komponen perancangan kewangan sebanyak 11 komponen telah diadaptasi daripada Kapoor *et al.* (2004). Sejauh mana perancangan kewangan bagi setiap komponen diukur dengan menggunakan skala kekerapan, iaitu 'tidak pernah' hingga 'kerap'. Kesejahteraan kewangan diukur dengan mengadaptasi soalan-soalan Skala Kesejahteraan Kewangan Peribadi Malaysia yang dibangunkan oleh Garman dan Jariah pada tahun 2006 (Jariah, 2007). Skala ini terdiri daripada 12 soalan dengan 10 respons bagi setiap satunya. Analisis deskriptif dilakukan terhadap maklumat perancangan kewangan dan kesejahteraan kewangan responden. Perbandingan bagi skor perancangan kewangan dan kesejahteraan kewangan dilakukan dengan menggunakan ujian perbandingan purata. Latar belakang responden iaitu jantina, status perkahwinan, tahap jawatan, pendapatan dan saiz isi rumah dijadikan dua kategori bagi perbandingan ini.

Keputusan dan Perbincangan

Latar belakang responden

Latar belakang responden kajian ditunjukkan dalam Jadual 1. Didapati bahawa jumlah responden perempuan (51.3%) dan lelaki (48.7%) hampir sama banyak. Daripada jumlah responden, dua pertiga (66.4%) ialah responden yang sudah berkahwin. Dapatan juga menunjukkan bahawa hampir separuh (44.5%) daripada responden adalah daripada golongan muda yang berumur kurang daripada 30 tahun dan mempunyai pengalaman kerja kurang daripada lima tahun (43.5%). Walaupun dua pertiga daripada jumlah responden merupakan graduan universiti, namun hanya sepertiga daripada responden ialah pegawai (37.7%).

Mereka yang dilaporkan bekerja sebagai bukan pegawai adalah separuh daripada jumlah responden tetapi melebihi separuh daripada responden yang memperoleh pendapatan bulanan di bawah RM3,000 (62.9%). Hal ini mungkin disebabkan mereka yang bekerja sebagai pegawai masih pada peringkat awal pekerjaan. Namun begitu, hanya 40 peratus responden yang dicatatkan mempunyai pendapatan isi rumah di bawah RM3,000. Secara perbandingannya, responden yang mempunyai pendapatan isi rumah yang

melebihi RM3,000 ialah sebanyak 60 peratus manakala responden yang berpendapatan tidak melebihi RM3,000 ialah sebanyak 40 peratus daripada jumlah responden. Juga diperoleh bahawa hampir dua pertiga daripada responden mempunyai saiz isi rumah kurang daripada lima orang.

Jadual 1: Latar Belakang Responden

Latar Belakang Responden	Frekuensi (N = 310)
Jantina	
Lelaki	159 (51.3)
Perempuan	151 (48.7)
Status perkahwinan	
Belum berkahwin	107 (33.6)
Berkahwin	203 (66.4)
Umur	
Kurang dari 30 tahun	138 (44.5)
30 hingga 39 tahun	95 (30.6)
40 tahun dan ke atas	77 (24.8)
Kategori pekerjaan	
Bukan pegawai	156 (50.3)
Pegawai	117 (37.7)
Tidak dinyatakan	37 (12.0)
Pendidikan tertinggi	
Bukan graduan	104 (33.5)
Graduan	208 (66.5)
Pendapatan responden	
RM1,500 dan ke bawah	70 (22.6)
RM1,501 – RM3,000	125 (40.3)
RM3,001 – RM6,000	103 (33.2)
RM6,001 – RM9,000	12 (3.9)
Pendapatan isi rumah	
RM1,500 dan ke bawah	46 (14.8)
RM1,501 – RM3,000	78 (25.2)
RM3,001 – RM6,000	92 (29.7)
RM6,001 – RM9,000	66 (21.3)
RM9,001 dan ke atas	28 (9.0)
Saiz isi rumah	
Kurang dari 5 orang	191 (61.6)
5 orang dan lebih	119 (38.4)

Penglibatan penjawat awam dalam perancangan kewangan

Perancangan kewangan amat perlu memandangkan sumber pendapatan yang terhad manakala keperluan kewangan adalah pelbagai, tambah pula dengan tanggungan yang banyak. Kepelbagaian aspek dalam perancangan kewangan adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2. Umumnya, purata skor bagi

kesemua aspek berada di sekitar titik tengah skala, iaitu 3. Namun, lebih banyak item mempunyai purata skor yang melebihi 3. Oleh itu, dijangkakan tahap keseluruhan bagi perancangan kewangan adalah melebihi sedikit daripada skor 3.

Analisis purata terhadap skor menunjukkan perancangan untuk perbelanjaan bulanan adalah yang tertinggi. Hasil ini menunjukkan perancangan perbelanjaan bulanan adalah yang paling kerap dilakukan oleh penjawat awam berbanding dengan komponen perancangan yang lain. Hal ini sewajarnya demikian memandangkan corak perbelanjaan sebegini adalah untuk menampung keperluan hidup. Merancang sebelum mengambil sebarang hutang memberikan purata skor kedua tertinggi, yang menunjukkan bahawa dari segi kekerapan, perancangan ini adalah lebih kerap dilakukan berbanding dengan komponen lain selain perbelanjaan bulanan. Sehubungan itu, jelas bahawa perancangan sebelum mengambil pinjaman dipandang berat oleh responden penjawat awam kerana kos pinjaman yang tinggi mungkin boleh dielakkan dan untuk memastikan komitmen pembayaran bulanan dapat dipatuhi.

Dapatan untuk perancangan pengagihan estet atau harta pusaka pula mencatatkan purata skor yang terendah. Kemungkinan, urusan perancangan harta pusaka amat kurang dilakukan memandangkan tiga perempat daripada jumlah responden ialah penjawat muda. Perancangan harta pusaka sepatutnya bermula pada peringkat awal sesuatu harta diperoleh kerana tanpa perancangan harta pusaka, waris responden akan berhadapan dengan kesukaran untuk menggunakan atau menguruskan harta peninggalan setelah ketiadaan responden.

Begitu juga halnya bagi perancangan untuk membeli kenderaan dan perancang kewangan untuk pendidikan anak-anak secara islamik yang didapati kurang diberikan tumpuan. Kurangnya perancangan untuk pembelian kenderaan secara islamik mungkin disebabkan terdapatnya tawaran pembelian kenderaan melalui pembiayaan secara konvensional yang lebih menarik, seperti tidak memerlukan pembayaran wang deposit dan kadar faedah yang lebih rendah. Hal ini telah menggalakkan pembelian kenderaan tanpa persediaan wang tunai, oleh itu tidak perlu merancang simpanan bagi keperluan wang pendahuluan. Walaupun memudahkan pembelian kenderaan, namun kos pinjaman yang lebih tinggi perlu ditanggung disebabkan jumlah pinjaman yang lebih besar. Tambahan, pembelian tanpa wang pendahuluan menjadikan pembelian kenderaan itu tidak tertakluk pada Akta Sewabeli. Mengikut Akta Sewabeli, pendahuluan sebanyak 10 peratus perlu terlibat dalam pembelian barangan untuk membolehkan pembelian itu dapat dilindungi di bawah akta berkenaan. Kurangnya perancangan secara islamik

bagi pendidikan anak-anak dalam kalangan responden pula berkemungkinan disebabkan kebergantungan ibu bapa pada pembiayaan oleh pihak kerajaan, sama ada pembiayaan berbentuk biasiswa mahupun pinjaman.

Aspek perancangan zakat dan persaraan didapati agak tinggi purata skornya selepas aspek perancangan hutang. Hal ini menunjukkan perancangan zakat dan persaraan adalah antara yang terpenting bagi responden. Wajar bagi responden memikirkan tentang pembayaran zakat supaya dapat dipastikan hartanya dapat 'dibersihkan'. Walaupun dua pertiga responden merupakan golongan muda, mereka masih mengambil kira keperluan kewangan untuk masa persaraan mereka. Perancangan persaraan ini adalah perlu memandangkan sumber kewangan pada masa bersara semakin kurang berbanding dengan masa sekarang.

Perancangan simpanan bagi keperluan kecemasan ialah aspek seterusnya yang diambil berat oleh responden selepas perancangan persaraan. Purata skor bagi aspek ini berada pada tahap sederhana. Dengan itu, individu tidak begitu menyimpan secara berkala bagi keperluan kecemasan. Hal ini boleh mendatangkan kesukaran kepada responden sekiranya terjadi perkara yang tidak diingini dan memerlukan perbelanjaan yang agak besar pada ketika itu. Aspek lain yang mencatatkan tahap purata skor sederhana dan hampir menyamai keperluan kecemasan ialah perancangan untuk pelaburan secara Islamik, perancangan pembelian rumah secara Islamik dan perancangan takaful. Sebagai penjawat yang beragama Islam, adalah perlu untuk merancang kewangan secara Islamik bagi pelaburan, pembelian rumah dan menguruskan risiko melalui pembelian takaful. Perancangan untuk membeli produk-produk pelaburan yang halal syariah boleh dibuat dengan merujuk senarai saham-saham yang halal syariah. Pembelian rumah hendaklah menggunakan pinjaman secara Islamik dan bukannya secara konvensional. Begitu juga dengan pembelian takaful yang merupakan produk perlindungan terhadap risiko yang halal syariah.

Secara umumnya, didapati bahawa perancangan kewangan yang paling kerap adalah yang berbentuk jangka pendek manakala perancangan jangka panjang kekerapannya agak kurang dilakukan. Perancangan yang paling rendah kekerapannya ialah perancangan pelan pengagihan harta pusaka yang merupakan perancangan jangka panjang. Manakala perancangan untuk pelan pengurusan zakat dikategorikan sebagai sederhana kekerapannya, dengan itu boleh dikira sebagai antara komponen perancangan kewangan yang diambil berat oleh individu.

Jadual 2: Skor Purata bagi Aktiviti Perancangan Kewangan

Komponen Perancangan Kewangan	Purata (Skala 1 – 5)
Merancang simpanan secara Islamik untuk saat kecemasan.	3.11
Merancang secara islamik kewangan pendidikan anak-anak.	2.98
Merancang pelan pembelian kenderaan secara Islamik.	2.95
Merancang pelan pembelian perumahan secara Islamik.	3.07
Merancang sebelum mengambil pelbagai jenis hutang.	3.32
Merancang pelan pengurusan zakat.	3.14
Merancang pelan perlindungan takaful.	3.05
Merancang persaraan.	3.14
Merancang pelan pengagihan harta pusaka.	2.73
Merancang perbelanjaan bulanan.	3.41
Merancang pelan pelaburan terbaik secara Islamik.	3.09

Kajian terhadap responden dalam kalangan penjawat awam yang beragama Islam menunjukkan hampir sama banyak responden yang berada pada tahap perancangan kewangan yang sederhana dan tinggi. Berdasarkan peratusan, sebanyak 47.1 peratus responden berada pada tahap perancangan kewangan yang sederhana manakala 46.5 peratus berada pada tahap perancangan kewangan yang tinggi. Terlalu sedikit atau sebanyak 6.5 peratus sahaja responden yang menunjukkan perancangan kewangan pada tahap rendah. Hal ini menunjukkan masih banyak penjawat awam yang dikaji melakukan perancangan kewangan yang agak kerap dan kerap. Dapatan ini adalah bercanggah dengan dapatan kajian Husniyah *et al.* (2005) bahawa majoriti responden mempunyai tahap perancangan kewangan yang rendah, iaitu gagal melakukan aktiviti berkaitan perancangan kewangan.

Kesejahteraan kewangan individu

Respon bagi soalan mengenai kesejahteraan kewangan diukur dengan menggunakan skala selanjar daripada 1 hingga 10 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3. Semakin tinggi purata skor, semakin tinggi kesejahteraan kewangan yang disumbangkan oleh pernyataan berkenaan. Kesemua soalan mencatatkan skor yang melebihi titik tengah skala, iaitu 5. Oleh itu, secara umumnya dapat disimpulkan bahawa kesejahteraan kewangan individu berada pada tahap yang melebihi tahap sederhana.

Soalan yang mencatatkan purata skor antara yang paling rendah ialah kebimbangan tentang keadaan kewangan mereka pada masa sekarang (purata = 5.43) dan keadaan kewangan keseluruhan (purata = 5.92). Kebimbangan ini mungkin berpunca daripada penggunaan wang yang begitu tinggi untuk keperluan semasa, dengan itu responden kurang menyimpan untuk keperluan

kecemasan mahupun untuk keperluan masa hadapan (rujuk Jadual 2 mengenai perancangan kewangan). Manakala bagi soalan mengenai kekerapan menghadapi masalah membayar bil bulanan seperti bil elektrik, telefon, ansuran bulanan dan bil kad kredit (purata = 7.38), responden hanya kadang-kadang sahaja menghadapi masalah berkenaan. Dengan itu, pada kebanyakan masa responden mampu untuk membayar bil-bil berkenaan.

Dari segi kekerapan responden kehabisan wang sebelum menerima gaji sebelumnya (purata = 6.88), keadaan ini juga kadang-kadang sahaja dialami oleh responden. Oleh itu, hal ini selari dengan jawapan dari segi keyakinan tentang kecukupan kewangan, iaitu mereka menyatakan yakin untuk mempunyai wang yang cukup untuk hari tua yang selesa (purata = 6.68). Tambahan, mereka yakin bahawa mereka mempunyai kawalan ke atas kewangan mereka (purata = 6.69) dan yakin bahawa mereka tahu menguruskan kewangan mereka (purata = 6.75). Penjawat awam kebanyakannya memilih skim pencen sebagai skim persaraan mereka, terutama bagi mereka yang telah berumur. Oleh itu, jaminan pendapatan pada masa hadapan telah sedia ada. Namun demikian, bagi yang berpendapatan rendah, pencen bulanan yang akan diperoleh juga adalah kecil. Hasil kajian ini adalah selari dengan kajian tempatan terhadap pengguna kredit yang mendapati majoriti responden menunjukkan rasa puas hati tentang kemahiran mereka menguruskan hal berkaitan kewangan (73.3%) dan kepuasan terhadap hal-hal kewangan secara keseluruhannya adalah sederhana (Husniyah *et al.*, 2005).

Purata skor yang lebih rendah diperoleh bagi soalan-soalan mengenai gambaran terhadap keadaan kewangan semasa mereka (purata = 6.56), namun dapat disimpulkan bahawa mereka berpuas hati terhadap keadaan kewangan semasa sahaja. Begitu juga dengan purata skor yang hampir sama bagi sebaik mana mereka dari aspek perancangan kewangan mereka (purata = 6.45), bahawa mereka dianggap baik dari aspek perancangan kewangan mereka. Dapatan ini adalah selari dengan keputusan dalam Jadual 2 iaitu mengenai perancangan kewangan responden. Keadaan sumber kewangan semasa mereka juga didapati berada pada tahap yang mencukupi (purata = 6.47). Selanjutnya, respon purata ialah 'mudah' bagi soalan mengenai semudah mana bagi mereka mendapatkan wang RM1,000 untuk menampung keperluan kecemasan (purata = 6.31) manakala bagi soalan mengenai bagaimana perasaan mereka mengenai keadaan kewangan semasa (purata = 6.28), secara puratanya responden berasa selesa dengan keadaan kewangan semasa. Kajian tempatan yang lepas menunjukkan sebanyak dua pertiga daripada responden berasa berpuas hati terhadap kemampuan mereka dalam memenuhi keperluan sewaktu kecemasan (Husniyah *et al.*, 2005).

Jadual 3: Kesejahteraan Kewangan Individu

Soalan	Purata (Skala 1 – 10)
Gambaran anda terhadap keadaan kewangan semasa anda.	6.56 (berpuashati)
Sejauh manakah anda yakin anda mempunyai wang yang cukup untuk kehidupan hari tua yang selesa?	6.68 (yakin)
Sejauh manakah anda yakin anda mempunyai kawalan ke atas kewangan anda?	6.69 (yakin)
Sejauh manakah anda yakin anda tahu menguruskan kewangan anda?	6.75 (yakin)
Semudah manakah bagi anda mendapatkan wang RM1,000 untuk menampung keperluan kecemasan?	6.31 (mudah)
Sejauh mana anda bimbang tentang keadaan kewangan anda hari ini?	5.43 (bimbang)
Sebaik manakah anda dari aspek perancangan kewangan anda?	6.45 (baik)
Bagaimanakah perasaan anda mengenai keadaan kewangan semasa anda?	6.28 (selesa)
Manakah antara kenyataan berikut menerangkan keadaan sumber kewangan semasa anda?	6.47 (mencukupi)
Sekerap manakah anda menghadapi masalah membayar bil bulanan (elektrik, telefon, ansuran, kad kredit)?	7.38 (kadang-kadang)
Sekerap manakah anda kehabisan wang sebelum menerima gaji sebelumnya?	6.88 (kadang-kadang)
Sejauh manakah anda bimbang mengenai kedudukan kewangan keseluruhan anda?	5.92 (kadang-kadang)

*Purata skor yang tinggi mengarah kepada kesejahteraan kewangan yang tinggi dan sebaliknya

Kesejahteraan kewangan dalam kalangan penjawat awam beragama Islam yang dikaji umumnya berada pada tahap yang sederhana dan lebih separuh daripada responden (55.2%) dikelaskan berada pada tahap berkenaan. Mereka yang berada pada tahap kesejahteraan kewangan yang tinggi hampir 40 peratus (39.7%) jika dibandingkan dengan responden yang berada pada tahap sederhana. Oleh itu, sebilangan besar responden dilaporkan memperoleh kesejahteraan kewangan yang sederhana dan tinggi, iaitu meliputi 94.9 peratus daripada jumlah responden. Terlalu sedikit dalam kalangan responden atau hanya 5.2 peratus sahaja membuat kesejahteraan kewangan pada tahap yang rendah. Hal ini menunjukkan banyak penjawat awam yang dikaji berada pada tahap sejahtera kewangan.

Perbandingan perancangan kewangan berdasarkan latar belakang

Perbandingan bagi perancangan kewangan dalam kalangan responden yang merupakan penjawat awam beragama Islam dibuat berdasarkan latar belakang mereka. Bagi status perkahwinan, umur, pendidikan, pendapatan dan saiz isi rumah, hal ini dapat membezakan responden dari segi amalan perancangan kewangan. Responden yang telah berkahwin didapati merancang kewangan lebih kerap berbanding dengan responden yang belum berkahwin. Perkahwinan menyebabkan komitmen kewangan yang lebih besar, justeru individu dapat melihat keperluan keluarganya dalam jangka panjang ekoran adanya anak-anak. Oleh itu keputusan kajian menyokong keadaan ini bahawa mereka yang telah berkahwin didapati merancang kewangan lebih kerap berbanding dengan mereka yang belum berkahwin.

Jadual 4: Perbandingan Perancangan Kewangan Berdasarkan Latar Belakang

Latar belakang	Kategori	n	Purata
Jantina	Lelaki	159	33.74
	Perempuan	151	34.24
Status perkahwinan*	Belum berkahwin	107	32.26
	Berkahwin	203	34.89
Umur*	Kurang daripada 30 tahun	138	33.09
	30 tahun & lebih	172	34.69
Kategori pekerjaan	Bukan pegawai	156	33.42
	Pegawai	117	34.98
Pendidikan*	Bukan graduat	168	33.02
	Graduat	142	35.11
Tempoh bekerja	Sehingga 5 tahun	135	33.82
	Lebih dari 5 tahun	175	34.10
Pendapatan bulanan responden*	Sehingga RM3,000	195	33.32
	Melebihi RM3,000	115	35.10
Saiz isi rumah*	Kurang dari 5 orang	191	33.37
	5 & lebih orang	119	34.97

*Perbezaan signifikan

Bagi golongan yang lebih berumur pula, mereka cenderung merancang kewangan mereka berbanding dengan golongan muda. Mereka yang menghampiri waktu persaraan mungkin telah sedar akan keadaan sumber yang akan berkurang pada masa persaraan. Golongan yang berpendidikan sehingga ke peringkat universiti juga lebih kerap merancang kewangan jika dibandingkan dengan mereka yang tidak melanjutkan pengajian ke universiti. Pendapatan juga berperanan dalam menjayakan aktiviti berkaitan

perancangan kewangan, iaitu mereka yang berpendapatan lebih tinggi didapati lebih cenderung merancang kewangannya. Perancangan kewangan juga lebih kerap dilakukan oleh isi rumah yang bersaiz besar berbanding dengan mereka yang mempunyai isi rumah yang kecil. Dapatan mengenai pendapatan dan saiz isi rumah ini adalah berlawanan daripada yang diperoleh oleh Husniyah *et al.* (2005), bahawa keluarga dengan pendapatan dan saiz keluarga yang besar mempunyai tahap perancangan kewangan yang rendah.

Manakala bagi perbandingan berdasarkan jantina, kategori pekerjaan dan tempoh bekerja, didapati tidak menunjukkan perbezaan dari segi perancangan kewangan. Sama ada responden lelaki mahupun perempuan, bukan pegawai atau pegawai, dan baru bekerja atau telah lama bekerja, kekerapan amalan perancangan kewangan mereka adalah hampir sama. Hal ini menunjukkan latar belakang berkenaan iaitu jantina, kategori pekerjaan mahupun tempoh bekerja tidak penting dalam menentukan sama ada perancangan kewangan kerap dilakukan ataupun tidak. Berdasarkan latar belakang jantina yang didapati tidak membezakan perancangan kewangan, hal ini mungkin disebabkan oleh golongan yang berkahwin, iaitu aktiviti ini dilakukan bersama-sama keluarga ataupun oleh isi rumah mereka. Hal ini bermakna aktiviti perancangan kewangan tidak dilakukan secara bersendirian oleh responden.

Perbandingan kesejahteraan kewangan berdasarkan latar belakang

Kesejahteraan kewangan responden telah dibanding berdasarkan latar belakang mereka. Kesemua perbandingan berdasarkan latar belakang didapati memberikan purata yang berbeza-beza bagi kesejahteraan kewangan, kecuali bagi perbandingan berdasarkan jantina. Hal ini menunjukkan latar belakang berkenaan iaitu status perkahwinan, umur, kategori pekerjaan, pendidikan, tempoh bekerja, pendapatan dan saiz isi rumah dapat membezakan individu dari segi kesejahteraan kewangan. Oleh itu, kesejahteraan kewangan adalah berbeza-beza mengikut latar belakang masing-masing. Hanya perbandingan berdasar jantina sahaja yang tidak menunjukkan perbezaan dari segi kesejahteraan kewangan. Dengan itu, tidak kira sama ada seseorang itu lelaki mahupun perempuan, kesejahteraan kewangan adalah hampir sama. Hal ini mungkin disebabkan bagi golongan yang berkahwin, kesejahteraan kewangan bukanlah sepenuhnya daripada usaha dan aktiviti mereka sahaja tetapi lebih kepada usaha bersama-sama demi kesejahteraan keluarga. Dapatan ini selari dengan keputusan yang diperoleh bagi perbandingan perancangan kewangan dalam bahagian sebelumnya, iaitu bahawa hal ini tidak bergantung pada jantina.

Kesejahteraan kewangan bagi responden yang berkahwin didapati lebih tinggi berbanding dengan responden yang belum pernah berkahwin. Hal ini mungkin terhasil daripada perancangan kewangan yang teliti dan dilaksanakan dengan efisien. Golongan yang lebih berumur pula cenderung mempunyai kesejahteraan kewangan yang tinggi, yang mungkin disumbang oleh perancangan kewangan mereka yang telah berjaya dilaksanakan dalam tempoh yang panjang berbanding dengan golongan muda. Individu yang menjawat jawatan pegawai didapati lebih sejahtera kewangannya berbanding dengan mereka yang bukan pegawai, dan begitu juga bagi mereka yang lebih lama bekerja. Kedua-dua latar belakang ini sebelum ini didapati tidak berbeza-beza dari segi kekerapan merancang kewangan (rujuk Jadual 4 mengenai perancangan kewangan), namun kekerapan penglibatan dalam perancangan kewangan masih berada pada tahap yang agak tinggi bagi golongan dalam kedua-dua latar belakang tersebut. Kekerapan perancangan kewangan masih tinggi bagi pegawai dan mereka yang telah lama bekerja.

Jadual 5: Perbandingan Kesejahteraan Kewangan Berdasarkan Latar Belakang

Latar belakang	Kategori	n	Purata
Jantina	Lelaki	159	76.05
	Perempuan	151	79.68
Status perkahwinan*	Belum berkahwin	107	73.69
	Berkahwin	203	80.00
Umur*	Kurang dari 30 tahun	138	72.64
	30 tahun & lebih	172	81.97
Kategori pekerjaan*	Bukan pegawai	156	74.53
	Pegawai	117	82.83
Pendidikan*	Bukan graduat	168	74.89
	Graduat	142	81.29
Tempoh bekerja*	Sehingga 5 tahun	135	74.29
	Lebih dari 5 tahun	175	80.54
Pendapatan bulanan responden*	Sehingga RM3,000	195	73.79
	Lebih dari RM3,000	115	84.64
Saiz isi rumah*	Kurang dari 5 orang	191	75.88
	5 & lebih orang	119	80.92

*Perbezaan signifikan

Individu yang berpendidikan universiti juga didapati lebih tinggi kesejahteraan kewangannya jika dibandingkan dengan mereka yang tidak melanjutkan pengajian ke peringkat universiti. Begitu juga dengan mereka yang memperoleh pendapatan yang lebih tinggi. Kesejahteraan kewangan juga lebih tinggi dalam kalangan isi rumah yang bersaiz besar berbanding dengan mereka yang mempunyai isi rumah yang kecil. Hal ini mungkin disumbangkan oleh kesedaran mereka tentang keperluan kewangan yang

besar diperlukan oleh keluarga mereka, dengan itu mereka berusaha untuk mencukupkan keperluan masing-masing. Hasil kajian ini selari dengan kajian lepas terhadap kepuasan kewangan bagi umur (Joo & Grable, 2004; Mohamad Fazli *et al.*, 2008), pendidikan (Joo & Grable, 2004) dan pendapatan (Baek & DeVaney, 2004; Husniyah *et al.*, 2005; Joo & Grable, 2004; Mohamad Fazli *et al.*, 2008).

Kesimpulan dan Implikasi

Kajian ini yang merujuk kepada penglibatan penjawat awam beragama Islam yang bekerja di kementerian-kementerian di Wilayah Persekutuan dalam aktiviti berkaitan perancangan kewangan. Majoriti individu yang dikaji didapati berada pada tahap perancangan kewangan dan kesejahteraan kewangan yang sederhana. Aspek perancangan untuk pengagihan harta pusaka yang kurang diambil berat oleh pengguna diharapkan dapat diberi penekanan oleh pihak pendidik kewangan atau agensi berkaitan wasiat seperti Amanah Raya Berhad. Begitu juga dalam hal simpanan bagi keperluan pendidikan anak-anak dan penyediaan wang bagi pembelian kenderaaan yang rata-ratanya pengguna tidak membuat simpanan bagi tujuan berkenaan. Sehubungan itu, wajar bagi pihak yang terlibat secara langsung dalam meningkatkan sumber modal pekerja dapat menganjurkan program pendidikan kewangan untuk meningkatkan tahap perancangan kewangan berasaskan Islam dan seterusnya dapat meningkatkan kesejahteraan kewangan isi rumah.

Berdasarkan latar belakang iaitu status perkahwinan, umur, pendidikan, pendapatan dan saiz isi rumah, mereka didapati berbeza-beza dari segi amalan perancangan kewangan dan kesejahteraan kewangan. Manakala bagi perbandingan berdasarkan jantina, didapati tiada perbezaan dari segi perancangan kewangan mahupun kesejahteraan kewangan. Bagi kategori pekerjaan dan tempoh bekerja, perbezaan tidak didapati hanya bagi amalan perancangan kewangan iaitu perancangan kewangan tidak berbeza-beza dalam kalangan staf sokongan mahupun pengurusan dan pentadbiran, dan dari segi tempoh bekerja. Namun, kesejahteraan kewangan adalah berbeza-beza bagi dua kategori pekerjaan berkenaan dan dari segi tempoh bekerja. Justeru, penting bagi individu untuk mempunyai kemahiran perancangan kewangan kerana hal ini berkait dengan kesejahteraan kewangan keluarga mereka. Dengan mengetahui akan golongan yang tidak cenderung untuk merancang kewangan dan mempunyai kesejahteraan kewangan yang rendah dalam kalangan penjawat awam beragama Islam, pihak majikan dan institusi kewangan boleh memberi kesedaran dan kemahiran yang khusus menjurus kepada golongan berkenaan untuk melakukan perancangan kewangan berasaskan Islam.

Sehubungan itu, semua pihak yang terlibat dalam urusan kewangan islamik boleh bersama-sama membantu untuk meningkatkan kesejahteraan kewangan dalam kalangan penjawat awam. Kursus atau program pendidikan kewangan khusus untuk golongan yang menghadapi masalah berkaitan kewangan dapat dianjurkan, di samping memberi maklumat mengenai produk kewangan yang halal syariah supaya pengguna boleh membuat pilihan yang terbaik dalam perancangan kewangan mereka. Oleh itu, pihak industri kewangan dapat berperanan untuk membentuk dan mencadangkan produk kewangan halal syariah yang sesuai untuk peringkat umur tertentu, pendapatan dan saiz isi rumah supaya jurang tahap kesejahteraan kewangan dalam kalangan penjawat awam dapat dikurangkan. Peningkatan permintaan terhadap produk halal syariah melalui perancangan yang teliti oleh pengguna akan dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Rujukan

Altfest, L. (2004). Personal financial planning: Origins, development and a plan for future direction. *American Economist,* 48(2), 53-60.

Baek, E. & DeVaney, S.A. (2004). Assessing the baby boomers' financial wellness using financial ratios and a subjective measure. *Family and Consumer Sciences Research Journal*, 32, 321-348.

Blazevic, V. & Lievens, A. (2004). Learning during the new financial service innovation process: Antecedents and performance effects. *Journal of Business Research*, 57, 374-391.

Goldsmith, E.B. (2005). *Resource Management for Individuals and Families*. USA: Thomson.

Gitman, L.J., Joehnk, M.D. & Billingsly, R.S. (2011). *Personal Financial Planning*. Boston: Cengage Learning, hlm. 7.

Gutter, M.S. (2000). Human wealth and financial asset ownership. *Financial Counseling and Planning*, *11*(2), 9-19.

Husniyah, A.R., Mohd. Fazli, S., & Ahmad Hariza, H. (2005). Gelagat perancangan kewangan keluarga di Malaysia. *Malaysian Journal of Consumer and Family Economics*, 8, 27-39.

Malaysia. Jabatan Perangkaan Malaysia. (2010). *Perbelanjaan Isi Rumah*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Jariah, M. (2007). *Testing of Malaysia's Financial Well-being Scale*. Paper Presented in the Seventh Biennial Conference 2007 ACFEA, 4 – 7 July 2007, Putrajaya.

Joo, S. & Grable, J.E. (2004). An exploratory framework of the determinants of financial satisfaction. *Journal of Family and Economic Issues*, 25, 25-50.

Kapoor, J.R., Dlabay, L.D., & Hughes, R.J. (2004). *Personal Finance*. New York: McGraw-Hill.

Mohamad Fazli, S., Jariah, M., Karen, K.H. & Laily, P. (2008). Personal financial wellness among Malaysian employees: Socio demographic comparison. *Consumer Interests Annual*, 54, 189-192.

Nesteruk, O. & Garrison, M.E.B. (2005). An exploratory study of the relationship between family daily hassles and family coping and managing strategies. *Family and Consumer Sciences Research Journal*, 34, 140-152.

Porter, N.M. (1990). Testing a Model of Financial Well-being. *Unpublished Doctoral Dissertation*. Virginia Polytechnic Institute and State University, Blacksburg.

Raedah, S., Noormala, A., & Marziana, M. (2011). *2nd International Conference on Business and Economic Research Proceeding.*